

# Mahathir nafi Samy Vellu

Oleh Wan Hamidi Hamid

B.H. 16 SEP 1992

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan beliau menerima sebarang surat daripada 'pemimpin bayangan MIC' sebagaimana yang didakwa Presiden parti itu, Datuk Seri S Samy Vellu.

Katanya, beliau tidak tahu-menahu mengenai surat beberapa ahli MIC yang membentuk barisan pemimpin bayangan parti itu untuk mengambil alih pucuk pimpinan parti selepas perletakan jawatan Samy Vellu.

"Saya tidak terima apa-apa surat. Mungkin ada orang hantar surat tapi saya tidak terima apa-apa," katanya kepada pemberita selepas melan-

carkan projek pembangunan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur hari ini.

Sabtu lalu, Samy Vellu yang juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mendakwa kumpulan pemimpin bayangan MIC menghantar surat kepada Perdana Menteri supaya beliau tidak membantu parti itu kerana ia 'parti peminta sedekah'.

Mengenai penubuhan 12 bahagian baru Umno, Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak mengetahuinya.

Beliau berkata, Majlis Tertinggi (MT) Umno juga tidak pernah membincangkan perkara itu.

"Ini khabar angin. Mungkin ada akhbar tertentu yang suka buat per-

kara seperti itu," katanya.

Ditanya cadangan Filipina mahu membincangkan usaha menggugurkan tuntutan negara itu terhadap Sabah, Dr Mahathir berkata, ia adalah masalah dalaman Filipina.

"Kita tidak boleh buat apa-apa di sini. Terpulang kepada Filipina. Jika ia mahu gugurkan tuntutan, mereka mempunyai prosedur dan perakuan tersendiri," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia akan menandatangani Perjanjian Persahabatan, Kerjasama dan Kawalan Sempadan secara dua hala dengan Filipina, Perdana Menteri berkata, sukar bagi negara mewujudkan hubungan penuh apabila ter-

paksa berdepan dengan tuntutan negara lain.

"Bagi kita, apabila ada tuntutan ini, sukar untuk kita mewujudkan hubungan penuh," katanya.

Beliau menjelaskan Malaysia tidak boleh menandatangani sebarang perjanjian dua hala dengan mana-mana negara apabila ada tuntutan dibuat terhadap negara.

Ditanya reaksi beliau terhadap sikap Filipina yang belum membuat keputusan tegas terhadap isu tuntutan terhadap Sabah, Perdana Menteri berkata: "Kita tak kecewa. Apa nak kecewa. Itu dia punya masalah. Dia pun ada masalah juga. Kita tak mahu nak kata apa lagi."